

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 12.3.2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) apakah langkah yang telah diambil untuk memberi peluang kepada anak yang tidak sah taraf kewarganegaraannya untuk masuk ke sekolah Kerajaan di negara kita terutama mereka yang tidak mampu menanggung yuran yang tinggi; dan
- (b) bagaimana mereka dapat masuk sekolah Kerajaan kalau tidak mempunyai apa-apa dokumen kelahiran atau pasport.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 1/2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009 bagi memperjelaskan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 16 Januari 2008 yang telah bersetuju bahawa kanak-kanak warganegara Malaysia yang tidak

memiliki dokumen pengenalan diri boleh diterima masuk ke sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. SPI tersebut memperincikan syarat penerimaan kanak-kanak warganegara yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri untuk diterima masuk ke sekolah seperti yang berikut:

1. Mana-mana salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia; dan
2. Surat pengesahan atau surat perakuan Ketua Kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.

KPM juga telah mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan (3) Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018 yang bertujuan memaklumkan tindakan melaksanakan penerimaan masuk kanak-kanak bukan warganegara ke sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan mengikut kategori seperti yang berikut:

1. Kanak-kanak bukan warganegara yang telah diambil oleh warganegara Malaysia sebagai anak angkat;
2. Kanak-kanak bukan warganegara hasil perkahwinan tidak mengikut undang-undang Malaysia di mana bapa adalah warganegara dan ibunya bukan warganegara; dan
3. Kanak-kanak bukan warganegara yang ibu bapa juga bukan warganegara di mana kemasukan ke sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan adalah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 [PU(A) 275/1998].

47

Bagi kanak-kanak yang di bawah kategori (i) dan (ii), keluarga, penjaga atau mana-mana badan atau pihak yang bertanggungjawab dalam penjagaan kanak-kanak tersebut perlu mematuhi perkara seperti berikut:

1. Dalam tempoh dua (2) tahun daripada mula kanak-kanak tersebut masuk persekolahannya, semua dokumen pengenalan diri kanak-kanak tersebut perlu diselesaikan; dan
2. Membayar fi yang ditetapkan oleh KPM.

RJM19